



DR OSMAN



CHEW CHIA YING

UMS anjur Kempen Kesihatan Warga Emas di 1Borneo

URJYOTIN LAB

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Perubatan bakal mengadakan Kempen Kesihatan Warga Emas pada 22 (11 pagi-8 malam) dan 23 Jan (11 pagi-6 petang) di Central Atrium, 1Borneo Hypermall, di sini.

Kempen anjuran bersama Persatuan Pelajar Perubatan (MEDTAS) dan Persatuan Pelajar Perubatan Asia (AMSA) itu mendapat kerjasama daripada Pharmaniaga Sdn Bhd, 1Borneo, Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Queen Elizabeth dan Persatuan Thalassemia Sabah.

Dekan Sekolah Perubatan, Prof Dr Osman Ali berkata, kempen ini adalah salah satu daripada program dan aktiviti yang diadakan oleh pelajar perubatan universiti itu dalam usaha memperbaiki taraf kesihatan penduduk Sabah.

Beliau berkata, kempen ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman sebelum menjadi doktor kelak.

"Sekolah Perubatan telah ditubuhkan pada 2003 dan sejak 2008, tiga kumpulan graduan telah dilahirkan dan kini berkhidmat di seluruh negara."

"Saya yakin pelajar perubatan UMS mampu memberikan yang terbaik apabila menjadi doktor profesional kelak memandangkan mereka diberikan pendedahan secukupnya melalui pelbagai program dan aktiviti yang diadakan," katanya dalam sidang media sempena kempen itu di UMS, kelmarin.

Osman berkata, mereka menjangkakan kira-kira 2,000 pengunjung akan menghadiri kempen itu yang melibatkan pengisian seperti pemeriksaan kesihatan serta forum awam tentang osteoporosis, menopause, demensia dan masalah mata.

"Selain itu, terdapat pameran, pertandingan dan derma darah yang boleh disertai pengunjung yang akan memberi manfaat kepada kesihatan mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kempen, Chew Chia Ying, berkata kempen ini bertujuan mendidik masyarakat tentang penjagaan kesihatan dalam kalangan warga emas selain membentuk masyarakat yang lebih penyayang.

"Ketika ini, program kesihatan untuk warga emas adalah sangat kurang dan kerana itu kita mengambil inisiatif ini untuk memupuk kesedaran mengenainya."

"Rata-rata warga emas ketika ini hanya membuat pemeriksaan apabila mereka berhadapan kesakitan yang kadangkala menyebabkan keadaan mereka sudah tidak dapat diselamatkan," katanya.

Di samping itu, katanya, ini merupakan program besar-besaran pertama mereka dalam usaha membantu komuniti negeri ini terutamanya melibatkan golongan warga emas.

Justeru, orang ramai dipelawa berkunjung ke kempen berkenaan untuk mendapatkan pemeriksaan secara percuma selain menghadiri sesi forum dengan pelbagai isu menarik tentang kesihatan yang dianjurkan.